

AKTA PERSAINGAN 2010 (“Akta 712”)

Aku janji di bawah seksyen 43 Akta 712 (“Aku Janji”) oleh Ahli-Ahli Persatuan Pengusaha Bot-Bot Laju Menumbok, yang merupakan perusahaan bagi pasaran perkhidmatan bot laju antara Menumbok dan Labuan (“Perusahaan”) kepada Suruhanjaya Persaingan Malaysia (“Suruhanjaya”).

PERUSAHAAN YANG MEMBERI AKU JANJI INI

1. Aku Janji ini diberikan kepada Suruhanjaya oleh Persatuan Pengusaha Bot-Bot Laju Menumbok (“Persatuan”) No. Pendaftaran ROS: PPM-011-12-21042014, iaitu sebuah persatuan yang berdaftar di Malaysia dan beroperasi di alamat Persatuan Pengusaha Bot-Bot Laju Menumbok, Terminal Bot Menumbok, 89760 Menumbok, Sabah, bersama-sama dengan Perusahaan seperti berikut:

NO.	NAMA PERUSAHAAN	ALAMAT PERUSAHAAN
1.	Punch Express (No. Pendaftaran 337153)	Punch Express, Kampung Tepi Laut, 89760 Menumbok, Sabah.
2.	Perdana Express 2 (No. Pendaftaran 337145)	Perdana Express 2, Kampung Darat, 89760 Menumbok, Sabah.
3.	DN Trans (No. Pendaftaran 337147)	Nordin Bin Mohd Taip, DN Trans, Kampung Seberang, 89760 Menumbok, Sabah.
4.	Perdana Express 1 (No. Pendaftaran 337137)	Perdana Express 1, W.D.T No.17, Kampung Darat ,89760 Menumbok, Sabah.

NO.	NAMA PERUSAHAAN	ALAMAT PERUSAHAAN
5.	Jambrut Express (No. Pendaftaran 337148)	Murni Bin Awang Tajudin, Jambrut Ekspress, Kampung Tepi Laut, 89760 Menumbok, Sabah.
6.	Riversea Express (No. Pendaftaran 337142)	River Sea Express, Kg. Darat Menumbok, Peti Surat 09, 89767 Menumbok, Sabah.
7.	Perdana Express 4 (No. Pendaftaran 337141)	AK Mohd Saiful Bin Pg Omar@Omar, Kampung Darat, 89760 Menumbok, Sabah.
8.	Perdana Express 3 (No. Pendaftaran 337138)	Perdana Express 3, Kg. Darat Menumbok, 89767 Menumbok, Sabah.
9.	MCR Express 1 (No. Pendaftaran 337143)	MCR Express, P.O. Box 80, Pekan Menumbok, 89767 Menumbok, Sabah.
10.	Menumbok Express (No. Pendaftaran 337152)	A.Bongsu @ Awang Untak Bin Tahir, Kampung Tepi Laut Menumbok, 89760 Menumbok, Sabah.
11.	Biru Express (No. Pendaftaran 337154)	Laut Biru Enterprise, Kampung Tepi Laut Menumbok, 89767 Menumbok, Sabah
12.	Labuan Maju Satu (No. Pendaftaran 337146)	Persatuan Pengusaha Bot-Bot Laju Wilayah Persekutuan Labuan, Lot 52, Tingkat 1, Jalan Merdeka, 87000 W.P. Labuan
13.	NAS Express (No. Pendaftaran 337157)	NAS Express, Kg. Tepi Laut, 89760 Menumbok, Sabah.
14.	MBS Express (No. Pendaftaran 337158)	Mohamad Bin Sait, Kampung Darat Menumbok,

NO.	NAMA PERUSAHAAN	ALAMAT PERUSAHAAN
		Peti Surat 66, 89767 Menumbok, Sabah.

LATAR BELAKANG

- Persatuan terdiri daripada empat belas (14) ahli yang merupakan perusahaan yang menyediakan perkhidmatan bot laju antara Menumbok dan Labuan. Pada 28 Oktober 2025, Persatuan telah mengumumkan melalui notis yang dipaparkan di kaunter tiket di Terminal Feri Menumbok dan di laman sosial *Facebook* milik Persatuan bahawa tambang sehalu bagi laluan Menumbok ke Labuan akan dinaikkan daripada RM9.00 kepada RM12.00 berkuat kuasa 1 November 2025. Kenaikan RM3.00 tersebut dinyatakan sebagai Surcaj Bahan Bakar.
- Pada 5 November 2025, YB Datuk Armizan bin Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup ("KPDN"), melalui kenyataan media, telah mengarahkan Suruhanjaya untuk menyiasat isu tersebut di atas. Suruhanjaya telah memulakan penyiasatan di bawah seksyen 14(2) Akta 712 bagi menyiasat pelanggaran di bawah seksyen 4(1) dibaca bersama seksyen 4(2)(a) Akta 712.
- Pada 10 November 2025, para Perusahaan melalui Persatuan mengakui kepada Suruhanjaya bahawa kenaikan tambang tersebut adalah hasil keputusan bersama yang dicapai melalui perbincangan antara Perusahaan pada 7 Oktober 2025. Sehubungan itu,

Persatuan telah menarik balik pelaksanaan surcaj bahan bakar berkuat kuasa pada 11 November 2025.

5. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya mendapati bahawa tindakan menaikkan tambang melalui pelaksanaan surcaj bahan bakar bermula dari 1 hingga 10 November 2025, tetap merupakan satu pelanggaran di bawah seksyen 4(2)(a) Akta 712.

PERMULAAN AKU JANJI

6. Aku janji ini berkuat kuasa apabila:
 - (i) Pengerusi Persatuan menandatangani Aku Janji ini bagi pihak Persatuan dan Perusahaan; dan
 - (ii) Suruhanjaya menerima Aku Janji yang telah ditandatangani tersebut.
7. Setelah Aku Janji ini berkuat kuasa, ahli-ahli Persatuan hendaklah mematuhi obligasi yang dinyatakan dalam perenggan 8 di bawah. Menurut seksyen 43(2) Akta 712, Suruhanjaya hendaklah menutup siasatan tanpa membuat apa-apa penemuan pelanggaran dan tanpa mengenakan apa-apa penalti.

[BAKI HALAMAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG]

AKU JANJI

8. Persatuan dan Perusahaan dengan ini beraku janji bahawa mereka akan:
- (i) Bersetuju tidak akan mengambil sebarang tindakan yang mempunyai tujuan atau kesan yang sama seperti kelakuan terdahulu, termasuk tetapi tidak terhad kepada perbincangan atau penyelarasan secara kolektif berkaitan tambang, surcay, rebat, diskaun atau apa-apa terma komersial lain berkaitan harga tiket;
 - (ii) Memaklumkan secara bertulis kepada semua ahli semasa dan bakal ahli Persatuan mengenai penarikan balik keputusan kolektif menaikkan tambang bot laju Menumbok ke Labuan, serta obligasi di dalam Aku Janji ini; dan
 - (iii) Menerbitkan Aku Janji ini melalui satu notis di laman web rasmi Persatuan, platform media sosial, dan di kaunter tiket dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh Aku Janji. Kandungan notis hendaklah seperti di **Lampiran 1**.
9. Ahli-ahli Persatuan mengakui bahawa selaras dengan seksyen 14 Akta 712, dibaca bersama seksyen 43 Akta 712, sekiranya mereka mengulangi apa-apa perbuatan bersifat anti-persaingan, Suruhanjaya, pada bila-bila masa, boleh menjalankan penilaian atau siasatan ke atas kelakuan yang dinyatakan di atas.

PENGAKUAN

10. Ahli-ahli Persatuan yang merupakan Perusahaan mengakui bahawa:

- (i) Suruhanjaya mempunyai kuasa di bawah seksyen 43(3) Akta 712 untuk menyiarkan Aku Janji ini kepada orang awam melalui penerbitan di laman web Suruhanjaya atau melalui apa-apa cara lain yang difikirkan sesuai;
- (ii) Suruhanjaya akan, dari semasa ke semasa, merujuk Aku Janji ini dalam media, kenyataan akhbar dan penerbitannya bagi tujuan melaksanakan fungsi dan kuasanya; dan
- (iii) Aku Janji ini tidak akan menjejaskan apa-apa hak atau remedi yang tersedia kepada mana-mana pihak lain berhubung kelakuan yang dinyatakan di atas.

[BAKI HALAMAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG]

DIPERSETUJUI DAN DITANDATANGANI

Bagi pihak Persatuan Pengusaha Bot-Bot Laju Menumbok (PPM-011-12-21042014):



PENGERUSI

Nama: *MO. AZMI BIN MOHD TAIB*

No. K/P: *760920-12-6055*



Pada...*19*...hari bulan...*Disember*...2025

DITERIMA OLEH SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA



TAN SRI DATO' SRI IDRUS BIN HARUN

PENGERUSI

Pada...*19*...hari bulan...*Disember*...2025

**NOTIS PADA LAMAN WEB RASMI DAN MEDIA SOSIAL
PERSATUAN PENGUSAHA BOT-BOT LAJU MENUMBOK**

NOTIS

Kami, ahli-ahli Persatuan Pengusaha Bot-Bot Laju Menumbok ("Persatuan"), ingin memaklumkan bahawa keputusan kolektif untuk mengenakan Surcaj Bahan Bakar iaitu RM3.00 bagi tambang perkhidmatan bot laju Menumbok ke Labuan bermula 1 November 2025 telah menimbulkan kebimbangan serius dari sudut persaingan di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712]. Kami juga mengesahkan bahawa tambang tersebut telah dikembalikan kepada RM9.00 berkuat kuasa 11 November 2025 seperti yang diumumkan di halaman Facebook pada 10 November 2025.

Suruhanjaya Persaingan Malaysia ("Suruhanjaya") telah menjalankan siasatan di bawah seksyen 14(2) Akta 712. Berdasarkan hasil siasatan, kami bersetuju untuk melaksanakan aku janji rasmi menurut seksyen 43 Akta 712 kepada Suruhanjaya ("Aku Janji tersebut").

Secara ringkas, kami beraku janji bahawa kami akan:

- (i) Bersetuju tidak akan mengambil apa-apa tindakan yang mempunyai tujuan atau kesan yang sama seperti kelakuan penetapan harga terdahulu, termasuk tetapi tidak terhad kepada perbincangan atau penyelarasan secara kolektif berkaitan tambang, surcaj, rebat, diskaun atau apa-apa terma komersial lain berkaitan harga tiket;

- (ii) Memaklumkan kepada semua ahli semasa dan bakal ahli mengenai keputusan dan obligasi dalam Aku Janji ini; dan
- (iii) Mengeluarkan dan mempamerkan notis berikut kepada semua ahli dan di kaunter tiket serta menerbitkannya di laman web dan media sosial rasmi milik Persatuan:

“Adalah dimaklumkan bahawa Suruhanjaya Persaingan Malaysia (“Suruhanjaya”) ialah pihak berkuasa yang diberi kuasa oleh Akta Suruhanjaya Persaingan [Akta 713] untuk menguatkuasakan peruntukan Akta Persaingan [Akta 712]. Selaras dengan Aku Janji Persatuan kepada Suruhanjaya, kami menasihatkan semua ahli agar mematuhi Akta 712. Sekiranya terdapat sebarang aduan mengenai kemungkinan pelanggaran Akta 712 oleh mana-mana ahli, Persatuan tidak akan teragak-agak memberikan kerjasama penuh kepada Suruhanjaya dalam penilaian dan/atau siasatan.”

Salinan Aku Janji tersebut disertakan untuk makluman selanjutnya.

Kami juga beraku janji untuk tidak terlibat dalam apa-apa tindakan, amalan atau kelakuan anti-persaingan dalam perniagaan kami dan untuk sentiasa mematuhi Akta 712 demi melindungi kepentingan pengguna serta memacu pertumbuhan ekonomi Malaysia.